

# Memori KORPORAT

## UITM DALAM SEJARAH

### PERTANDINGAN 5S PTAR PENUTUP KALENDER 1996 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



Timbalan Rektor ITM Prof. Dr. Wan Muhamad Wan Kadir sedang menyampaikan piala pusingan 5S kepada Pn. Hamidah Kasim Ketua Bahagian Katalog dan Kelas.

Pihak CTQE ITM telah mengisytiharkan tahun 1996 sebagai Tahun Kempen 5S ITM. Tumpuan telah diberikan kepada kempen 5S sebagai langkah awal memasuki Fasa kedua Gerakan Kualiti ITM.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam tidak ketinggalan dalam usaha menjayakan Gerakan Kualiti ITM. Ketua Pustakawan PTAR telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kualiti terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian/Unit PTAR pada pertengahan tahun 1995. Ini diikuti dengan penubuhan Jawatankuasa Piagam Pelanggan, Jawatankuasa KMK, Jawatankuasa 5S, Kumpulan Pakar Rujuk (Q Team) dan Jawatankuasa Latihan Peringkat PTAR. Perancangan seterusnya meliputi

penerapan konsep Amalan 5S di kalangan kakitangan PTAR selain daripada menghidupkan kembali kumpulan KMK.

Bahagian Katalog dan Kelas telah diisytiharkan sebagai pemenang kategori Bahagian/Unit Terkemas di PTAR. Staf dari Bahagian ini turut memenangi tempat pertama dan ketiga Kategori Meja Terkemas PTAR 1. Tahniah diucapkan kepada Ketua Bahagian Katalog dan Kelas, Pn. Hamidah Kasim dan semua staf Bahagian tersebut yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan Sijil Cemerlang dari Ketua CTQE dan Ketua Pustakawan.

#### Rujukan:

Pertandingan 5S PTAR Penutup Kalendar 1996 Peprpustakaan Tun Abdul Razak. (1996, December). *PINTAR*, p. 24.



This item is available at  
Jabatan Arkib Universiti

Pembudayaan Ilmu  
Membentuk Adiwangsa

UiTM *di hatiku*

اوسها. تقوى. موليا

BIL: 137/APRIL 2024